

12/02/1998

Anwar selesai 4 isu utama

Faizal Fadzil

LAWATAN kerja empat hari Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Tokyo, berjaya menyelesaikan empat isu utama berhubung kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara.

Timbalan Perdana Menteri yang berlepas untuk singgah di Taipeh pagi kelmarin, pulang dengan dada lapang kerana hasil lawatan singkatnya ke Jepun berjaya mencapai matlamat terutama melihat perubahan sikap Jepun yang memberangsangkan.

Pertamanya, langkah lapan syarikat utama di Jepun termasuk syarikat perkilangan dan pengurus dana untuk membuat pelaburan secara besar-besaran di Malaysia selepas meyakini penjelasan Anwar mengenai keadaan ekonomi di rantau ini khususnya Malaysia.

Keputusan itu bukan saja mengukuhkan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar untuk menarik pelabur asing kembali ke Malaysia, malah meyakinkan pelabur asing di luar Jepun untuk mengalihkan semula pandangannya ke rantau ini kerana ketika ini "kata-kata mempunyai nilai berbilion ringgit".

Kunjungan Anwar juga berjaya memberi penjelasan kepada semua golongan bukan kerajaan yang mempunyai pengaruh besar di negara itu seperti ahli akademik, ahli ekonomi, pemimpin media dan lebih 100 media asing di negara itu.

Daripada persoalan yang dibangkitkan dalam beberapa pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri sehingga menyebabkan beliau terkejut, jelas menunjukkan betapa ceteknya maklumat yang diperolehi masyarakat negara itu mengenai keadaan sebenar ekonomi di rantau Asia.

Sebelumnya, mereka mempunyai tanggapan bahawa sistem kewangan dan perbankan negara gagal menghadapi kemelut yang melanda.

Ketiganya, lawatan itu juga menyedarkan Jepun betapa perlunya mereka memainkan peranan lebih besar berbanding Amerika Syarikat bagi membantu memulihkan keadaan ekonomi rantau Asia Tenggara kerana negara itu memang dianggap sebagai teraju dan jiran termaju Asia.

Ucapan `bernada keras' Anwar pada beberapa pertemuan terbuka dengan pelbagai pemimpin organisasi Jepun berjaya membuka hati Jepun untuk meningkatkan `profil dan kehadirannya' di Asia Tenggara.

Antara keputusan drastik yang dibuat ialah tindakannya menghantar Naib Menteri Kewangan bagi Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara dan Setiausaha Parlimennya untuk mengunjungi Asia Tenggara khususnya Indonesia awal Mac ini bagi membincangkan langkah sekali gus menawarkan bantuan kewangan tambahan jika perlu.

Matlamat terakhir dan dianggap Anwar sebagai paling kritikal dan kejayaan terbesar ialah keputusan Jepun untuk membenarkan penggunaan mata wang yen bagi menyelesaikan urusan perdagangan di kalangan bank negara itu, Singapura dan Malaysia.

Sebagai dua negara Asia Tenggara yang masih kukuh ekonominya, Malaysia dan Singapura bertanggungjawab merancang strategi bagi pihak Asean, selaras keputusan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Kuala Lumpur pada 14-16 Disember lalu iaitu mencari mata wang antarabangsa sebagai alternatif selain dolar Amerika bagi urusan perdagangan di Asia Tenggara untuk membantu menyelesaikan masalah penurunan mata wang serantau.

Persetujuan Jepun itu dianggap sebagai titik tolak terhadap langkah untuk menggunakan mata wang yen di rantau Asia Tenggara yang dianggap boleh membantu memulihkan keadaan.

Walaupun langkah Jepun itu dianggap penganalisis kewangan dalam wawancaranya dengan CNN kelmarin menghasil keputusan memberangsangkan bagi jangka pendek tetapi boleh menimbulkan masalah selepas 10 tahun kerana yen tetap bersandar pada dolar Amerika, langkah paling utama sekarang ialah memulihkan ekonomi serantau dalam tempoh terdekat yang memungkinkan Asia Tenggara mencari penyelesaian jangka panjang dengan lebih tersusun.

(END)